



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
MALAYSIA**

# LAPORAN TAHUNAN 2009

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Aras 1-4, Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62526 Putrajaya**

**Tel : 03-8871 7300  
Faks : 03-8871 7499**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Urus Setia Cawangan Sabah  
Aras 1, Blok A,  
Peti Surat 11359  
Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS-Sulaman, Likas  
88450 Kota Kinabalu  
Sabah**

**Tel : 088-488 521/522/523/524  
Faks : 088-488 534**

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Urus Setia Cawangan Sarawak  
Tingkat Bawah, Wisma Hong  
No. 202, Batu 2<sup>3/4</sup>, Jalan Roek  
93200 Kuching  
Sarawak**

**Tel : 082-255 825  
Faks : 082-244 854**



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
MALAYSIA**

# **LAPORAN TAHUNAN 2009**



# KANDUNGAN

	Muka surat
<b>1. PERUTUSAN Pengerusi</b>	<b>vii</b>
<b>2. RINGKASAN Eksekutif</b>	<b>ix</b>
<b>3. PENGENALAN</b>	<b>1</b>
▪ Undang-Undang dan Kuasa	
▪ Dasar Korporat	
▪ Piagam Pelanggan	
<b>4. KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN</b>	<b>11</b>
<b>5. PENGURUSAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN</b>	<b>21</b>
▪ Pengurusan	
▪ Carta Organisasi	
▪ Kedudukan Perjawatan	
<b>6. URUSAN PELANTIKAN TETAP</b>	<b>29</b>
<b>7. URUSAN PERKHIDMATAN</b>	<b>47</b>
<b>8. URUSAN TATATERTIB</b>	<b>61</b>
<b>9. PEMANTAPAN DAN PEMODENAN SURUHANJAYA</b>	<b>69</b>
<b>10. HASIL KERJA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN TAHUN 2009</b>	<b>79</b>
<b>11. PENGHARGAAN</b>	<b>81</b>
<b>12. GLOSARI</b>	<b>83</b>

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Jumlah Perjawatan SPP Pada 31 Disember 2009
- Jadual 2 : Kedudukan Perjawatan Mengikut Skim Perkhidmatan Dan Pengisian Pada 31 Disember 2009
- Jadual 3 : Data Urusan Pelantikan Tetap PPP
- Jadual 4 : Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan PPP
- Jadual 5 : Data Urusan Pelantikan Tetap PPP Calon Dari Kalangan Pelatih KPLI-IPGM
- Jadual 6 : Data Urusan Pelantikan Tetap PPPT
- Jadual 7 : Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan PPPT
- Jadual 8 : Pelantikan Tetap Ke Jawatan AKS Gred 17
- Jadual 9 : Pelantikan Tetap Ke Jawatan AKS Gred 11 Dan Ke Bawah
- Jadual 10 : Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan AKS
- Jadual 11 : Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pemberian Taraf Berpencen
- Jadual 12 : Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Jadual 13 : Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Jadual 14 : Pemberian Taraf Berpencen
- Jadual 15 : Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen
- Jadual 16 : Pemilihan Skim Pencen Atau Skim KWSP
- Jadual 17 : Pertukaran Pelantikan
- Jadual 18 : Pelantikan Secara Kontrak
- Jadual 19 : Pertukaran Sementara
- Jadual 20 : Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Perkhidmatan
- Jadual 21 : Perangkaan Kelewatan Urusan Perkhidmatan
- Jadual 22 : Kes Tatatertib
- Jadual 23 : Hukuman Tatatertib
- Jadual 24 : Perintah Tahan Kerja Dan Gantung Kerja

Jadual 25 : Kes Rayuan Tatatertib

Jadual 26 : Program Latihan

Jadual 27 : Bajet T10 Dan B40

## SENARAI CARTA

- Carta 1 : Keanggotaan Suruhanjaya
- Carta 2 : Carta Organisasi
- Carta 3 : Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP
- Carta 4 : Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP Dari Kalangan Pelatih KPLI-IPGM
- Carta 5 : Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPPT
- Carta 6 : Carta Alir Proses Pelantikan Tetap AKS
- Carta 7 : Jumlah Permohonan Bagi Jawatan AKS

# PERUTUSAN PENGERUSI



Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, buku Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) tahun 2009 telah dapat disiapkan dengan jayanya. Penerbitan buku laporan ini adalah penting kerana ia dapat membantu memperlihatkan secara keseluruhan aktiviti dan prestasi urusan-urusan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2009.

Sebagaimana tahun-tahun lepas, Suruhanjaya dengan sedaya upaya melaksanakan tiga fungsi utamanya iaitu urusan pengambilan, urusan perkhidmatan dan naik pangkat serta urusan tata tertib bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS).

Malahan bagi tahun 2009, Suruhanjaya telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti baru antaranya melaksanakan temu duga ke atas calon Kursus Perguruan Lepas Ijazah Institut Pendidikan Guru Malaysia (KPLI-IPGM) ke jawatan tetap PPPS Gred DG41; pemberian taraf berpencen kepada pegawai opsyen skim KWSP yang bersetuju memilih semula pencen; opsyen pertukaran pelantikan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dan Gred N14 ke skim Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17; dan opsyen pertukaran pelantikan Tukang Masak Gred N1, N4 kepada Tukang Masak Gred N17.

Bagi memantapkan urusan yang dijalankan, pihak Suruhanjaya turut sentiasa berhubung dengan pihak di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) melalui perbincangan dan mesyuarat. Melalui pertemuan ini akan dapat membantu mencari jalan penyelesaian ke atas permasalahan-permasalahan yang dihadapi serta memantapkan lagi kaedah-kaedah sedia ada dalam urusan pengambilan, perkhidmatan dan tata tertib Anggota Perkhidmatan Pelajaran.

Di peringkat pentadbiran pula, walaupun pelbagai kekangan dan cabaran yang dihadapi, namun pihak urus setia sentiasa berfikiran positif dan berusaha untuk maju ke hadapan melalui pelbagai pendekatan baru bagi memperbaiki mutu perkhidmatan demi kejayaan SPP.

Dari segi pengisian keanggotaan Suruhanjaya, pengisian penuh Anggota seramai 26 orang termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi telah dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pada pertengahan Oktober 2009, seramai enam orang Anggota telah tamat perkhidmatan. Pihak Suruhanjaya mengucapkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang pernah bersama-sama dengan pihak Suruhanjaya yang lain dalam membantu menjalankan fungsi Suruhanjaya serta berusaha menjadikan Suruhanjaya sebuah agensi yang terus berada dipuncak kejayaan.

Penamatan ke atas enam orang Anggota ini telah digantikan pula dengan lima orang Anggota baru. Penambahan Anggota baru ini menjadikan keseluruhan jumlah sekarang adalah 25 orang. Selamat datang ke SPP dan harapan saya semoga mereka dapat bersama-sama membantu menjayakan fungsi-fungsi Suruhanjaya sebagai sebuah agensi melantik kumpulan Anggota Perkhidmatan Pelajaran.

Akhir kata, saya berharap agar SPP akan terus menjadi sebuah agensi yang sentiasa berada ditahap kecemerlangan dan kejayaan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya serta terus berani untuk berdaya saing dalam menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran dan kepantasan teknologi masa kini.

Sekian.



**DATO' HAJI KUSAINI BIN HAJI HASBULLAH**  
**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

SPP ditubuhkan di bawah Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaan semasa terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 24 orang Anggota Suruhanjaya. Pengisian Anggota sehingga Disember 2009 adalah seramai 25 orang Anggota termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Semua Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setiausaha adalah ahli *ex-officio* dalam Suruhanjaya.

Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengemukakan laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinan laporan ini dibentangkan dalam Parlimen.

Di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, SPP adalah berkuasa ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam perkhidmatan pelajaran bagi:

- (a) melantik;
- (b) mengesahkan;
- (c) memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- (d) menaikkan pangkat;
- (e) menukar (maksudnya pertukaran pelantikan/pertukaran tetap perkhidmatan); dan
- (f) menjalankan kawalan tatatertib.

Bagi melaksanakan kuasanya itu, SPP mengadakan mesyuarat setiap dua minggu sekali iaitu:

- (a) Mesyuarat Suruhanjaya mengenai urusan pelantikan dan perkhidmatan;
- (b) Mesyuarat Kenaikan Pangkat Anggota Perkhidmatan Pelajaran;
- (c) Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat;
- (d) Mesyuarat Tindakan Tatatertib; dan
- (e) Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.

Melalui mesyuarat yang telah diadakan dalam tahun 2009, sebanyak **461** kertas telah dibincang dan diluluskan. Sehubungan dengan itu, dalam melaksanakan urusan pengambilan, seramai **57,129** calon telah dipanggil temu duga untuk pengisian jawatan PPP, PPPT dan AKS. Daripada jumlah tersebut, calon yang dilantik ke jawatan PPP ialah seramai **32,289** orang, **1,116** untuk jawatan PPPT dan seramai **6,359** dilantik untuk jawatan AKS.

Pelantikan yang dibuat ini adalah berdasarkan jumlah permohonan yang diterima dalam tahun 2009 iaitu sebanyak **526,082** permohonan iaitu terdiri daripada **37,786** bagi jawatan PPP, **43,673** bagi jawatan PPPT dan **444,623** bagi jawatan AKS.

Pada tahun 2009 juga, SPP telah mengambil tindakan pro-aktif dengan mengadakan temu duga semasa pelatih berada di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan seramai **6,492** calon terlibat dalam urusan temu duga.

Bagi urusan perkhidmatan, sejumlah **37,217** perakuan telah diluluskan oleh Suruhanjaya.

SPP telah meluluskan kenaikan pangkat seramai **51** orang PPPT Gred DH29/DH32/DH34 ke Gred DH42, **449** orang Gred DH29 ke Gred DH32 dan **58** orang Gred DH32 ke Gred DH34.

Sejumlah **31** kes tindakan tatatertib dan **10** kes prosedur tatatertib serta **149** kes rayuan tatatertib telah dipertimbangkan oleh SPP.

Bagi mengukuh dan memantapkan sistem penyampaian SPP, beberapa usaha telah dilaksanakan. Antaranya, sebanyak **23** program latihan dan kursus serta **enam** sesi naziran telah dijalankan. Di samping itu bagi mengeratkan kerjasama dengan pihak pelanggan, SPP telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan taklimat dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta agensi-agensinya di bawahnya.

Aktiviti SPP disokong dan dibiayai dengan peruntukan berjumlah sebanyak **RM22,190,193.00** untuk perbelanjaan mengurus di bawah T.10 dan B.40. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM20,104,371.64** (90.6%).

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Suruhanjaya) ditubuhkan hasil syor Laporan Suruhanjaya Diraja Aziz mengenai perkhidmatan pelajaran di Semenanjung Malaysia (1971). Laporan tersebut memperakukan supaya hal-hal mengenai perkhidmatan pelajaran dipisahkan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan semua urusan pelantikan, penamatan, urusan disiplin dan perkhidmatan pelajaran dikendalikan oleh Suruhanjaya. Pelantikan keanggotaan Suruhanjaya adalah atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Suruhanjaya ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Januari 1974 melalui penguatkuasaan Akta A193 dan P.U.(B)556/1973 dan beroperasi di Tingkat 6, Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur. Pada pertengahan tahun 1975, pejabat Suruhanjaya berpindah ke bangunan baru di Jalan Spooner (kini dikenali sebagai Jalan Cenderawasih), Kuala Lumpur. Pada tahun 1988 pula, pejabat Suruhanjaya berpindah ke Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Pada tahun 1999, pejabat Suruhanjaya berpindah ke Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.



Ibu Pejabat SPP di Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Bagi melancarkan urusan pelantikan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pelajaran di negeri Sabah dan Sarawak, urus setia cawangan Sarawak ditubuhkan secara rasminya pada 1 Jun 1977 manakala urus setia cawangan Sabah pada 1 Oktober 1977. Urusan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib kekal dikendalikan oleh ibu pejabat.


Secara umumnya, urus setia adalah pejabat pentadbiran yang membantu Anggota Suruhanjaya melaksanakan tugas Suruhanjaya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan.



Majlis Angkat Sumpah Encik Blawan ak Embayau dan Puan Margaret Ho Poh Yeok sebagai Anggota Suruhanjaya pada 12 Januari 2009 di Istana Kehakiman, Putrajaya.

Pada peringkat awal penubuhannya, keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang Anggota. Mulai tahun 1978, jawatan Timbalan Pengerusi diwujudkan. Pertambahan bilangan Anggota Suruhanjaya adalah seperti di **Carta 1**:

Carta 1: Keanggotaan Suruhanjaya<sup>1</sup>



Sepanjang penubuhan Suruhanjaya, seramai tujuh orang Pengerusi dan sembilan orang Timbalan Pengerusi<sup>2</sup> telah dilantik. Dalam tempoh yang sama, seramai 11 orang Setiausaha telah menerajui Suruhanjaya selaku Ketua Jabatan.



Lima Anggota Suruhanjaya baru pada Majlis Angkat Sumpah di Istana Kehakiman, Putrajaya pada 30 November 2009. Dari kiri: YBhg. Dato' Haji Dangiran bin Haji Mustapa, Encik Idris bin Ramli, Puan Halimah binti Shaaban, Encik Loh Ghee Juan dan Tuan Haji Hussain bin Haji Harun.

<sup>1</sup> Anggota termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

<sup>2</sup> Keanggotaan Timbalan Pengerusi dikuatkuasakan oleh Akta A442 mulai 31-12-1978.

## UNDANG-UNDANG DAN KUASA

### Penubuhan Dan Keanggotaan

Suruhanjaya ditubuhkan mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 24 orang Anggota.

### Tugas-tugas Suruhanjaya

Suruhanjaya bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam perkhidmatan pelajaran dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (a) melantik;
- (b) mengesahkan;
- (c) memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- (d) menaikkan pangkat;
- (e) menukar (iaitu pertukaran pelantikan/pertukaran tetap perkhidmatan); dan
- (f) menjalankan kawalan tatatertib.



Mesyuarat Suruhanjaya

### **Penurunan Kuasa Di Bawah Perkara 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan**

Mengikut Fasal (5B) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, semua kuasa dan tugas Suruhanjaya kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga tersebut, maka Suruhanjaya tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

### **Perwakilan Kuasa Di Bawah Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan**

Suruhanjaya mewakili kuasa pelaksanaan tugasnya mengikut Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan kepada pegawai-pegawai tertentu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen untuk jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk lebih rendah daripada Penilaian Menengah Rendah.

Kuasa pelantikan secara kontrak Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang bersara wajib telah diwakilkan kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

### **Kaedah-kaedah Suruhanjaya Di Bawah Perkara 144(8) Perlembagaan Persekutuan**

Di bawah peruntukan 144(8), Suruhanjaya boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengaturkan acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan *quorum*. Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U. (A) 321 bertarikh 3 September 2009.

### **Laporan Tahunan Di Bawah Perkara 146(1)**

Laporan ini disediakan bersesuaian dengan peruntukan Perkara 146(1) bahawa Suruhanjaya hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinan laporan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

## **DASAR KORPORAT**

### **Visi**

Menjadikan Suruhanjaya sebuah organisasi yang dinamik, berkualiti dan mesra pelanggan.

### **Misi**

Memastikan urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pelajaran dilaksanakan dengan berkualiti ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara.

### **Objektif**

Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi pelantikan, urusan perkhidmatan dan kawalan tatatertib dan naik pangkat Anggota Perkhidmatan Pelajaran dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

## PIAGAM PELANGGAN

Suruhanjaya berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. Dengan itu, Suruhanjaya komited untuk memastikan:

- (a) semua calon PPP ditemu duga tidak lewat daripada sembilan bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- (b) semua calon Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang layak dipanggil temu duga dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan pengisian jawatan oleh Kementerian.
- (c) keputusan temu duga dikeluarkan tidak lewat daripada empat minggu selepas kelulusan Suruhanjaya.
- (d) surat pengesahan pelantikan dikeluarkan tidak lewat daripada empat minggu dari tarikh pakej setuju terima tawaran (PSTT) yang lengkap diterima. PSTT merangkumi surat setuju terima tawaran, surat akuan sumpah, laporan pemeriksaan doktor dan surat aku janji.
- (e) keputusan urusan perkhidmatan dimaklumkan tidak lewat daripada enam minggu di Semenanjung dan lapan minggu di Sabah dan Sarawak dari tarikh perakuan lengkap diterima.
- (f) rayuan kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan rayuan tatatertib diputuskan tidak lewat daripada empat minggu dari tarikh perakuan yang lengkap diterima.



Mesyuarat Suruhanjaya



Sesi Temu Duga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

*“Maka hendaklah diadakan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang bidangkuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144...”*

*Perkara 141A  
Perlembagaan Persekutuan*

**KEANGGOTAAN  
SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN  
PELAJARAN**

## KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

### Pengerusi



YBhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah  
D.P.T.J., K.M.N., A.M.N., P.P.N., P.I.S.

- mulai 29.10.2007

### Timbalan Pengerusi



YBhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji  
Ahmad  
D.S.P.N., J.S.M., D.J.N., K.M.N.

- mulai 15.11.2007

### Anggota Suruhanjaya



Encik Blawan Embayau  
J.S.M., P.B.S., A.M.N., P.P.B.

- mulai 12.01.2009



YBhg. Dato' Mohd. Azmi bin Razak  
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.

- sehingga 15.10.2009



Encik Tan Eng Hock  
K.M.N.

- sehingga 15.10.2009



Cik Kamariah binti Ramli  
J.S.M., P.C.M., S.M.P., K.M.N.

- sehingga 15.10.2009



Puan Hajah Siti Zaharah @ Siti Zahrah binti Mat Akib  
K.M.N., A.M.N.

- sehingga 15.10.2009



YBhg. Dato' Haji Abdullah bin Haji Abdul Kadir  
D.I.M.P., A.M.N., A.M.P., P.K.C.

- sehingga 15.10.2009



YBhg. Datin Dr. Nor Hayati binti Abdul Rasid  
A.M.N.

- sehingga 15.10.2009



Puan Harvinder Kaur a/p Harnam Singh  
J.S.M., S.I.S., K.M.N., A.M.N.

- mulai 23.02.2007



Encik Mahzan bin Bakar  
S.M.P., A.M.P.

- mulai 02.03.2007



Puan Hajah Aminah binti A.F. Musally  
J.S.M., A.S.D.K., A.M.N.

- mulai 10.04.2007



Encik Raman a/l Sinnappanaidu  
P.J.K.

- mulai 29.10.2007



YBhg. Datin Hajah Rahimah binti Haji Ghazali  
A.M.N., B.C.M.

- mulai 01.11.2007



YBhg. Dato' Haji Salleh bin Mohd Husein  
D.I.M.P., D.P.M.P., A.M.N., A.M.P.

- mulai 22.07.2008



YBhg. Dato' Wan Mustama bin Wan Abdul Hayat  
D.I.M.P., P.K.T.

- mulai 22.07.2008



Tuan Haji Ahamad Zabidi bin Shansuddin

- mulai 22.07.2008



Tuan Haji Jailani bin Rusni  
A.M.N.

- mulai 22.07.2008



Cik Ong Joo Lin

- mulai 22.07.2008



Encik Athanasius John Staun @ Ahmad Staun  
A.M.N., A.D.K., B.S.K.

- mulai 22.07.2008



YBhg. Dato' Md. Aris bin Ariffin  
D.S.P.N., D.J.N., K.M.N.

- mulai 20.10.2008



YBhg. Dato' Haji Ab. Hamid bin Md. Shah  
D.I.M.P., A.A.P., P.K.C.

- mulai 20.10.2008



Encik Wan Hamzah bin Wan Daud

- mulai 20.10.2008



Tuan Haji Mokhy bin Saidon @ Md. Sidek

- mulai 20.10.2008



Encik Rajamany a/l T. Ramasamy

- mulai 20.10.2008



Puan Margaret Ho Poh Yeok

- mulai 12.01.2009



YBhg. Dato' Haji Dangiran bin Haji Mustapa  
D.P.M.S., S.M.S., A.M.N.

- mulai 30.11.2009



Tuan Haji Hussain bin Haji Harun  
K.M.N., P.P.T.

- mulai 30.11.2009



Puan Halimah binti Shaaban

- mulai 30.11.2009



Encik Idris bin Ramli  
K.M.N., S.D.K., S.M.S.

- mulai 30.11.2009



Encik Loh Ghee Juan

- mulai 30.11.2009

**Setiausaha**



YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail  
D.S.P.J., K.M.N., A.M.P.

- mulai 27.08.2007

**PENGURUSAN  
SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN  
PELAJARAN**

## PENGURUSAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



- YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail  
Setiausaha



- Encik Chin Weng Peng  
Timbalan Setiausaha (K)



- Encik Mohd Taupik bin Yusof  
Timbalan Setiausaha (P)



- Puan Siti Ammarah binti Haji Ahmad  
Ketua Penolong Setiausaha (K)



- Encik Hairuddin bin Abdullah  
Ketua Penolong Setiausaha (P)



- Encik Mohd Yazid bin Sairi  
Ketua Penolong Setiausaha (T)



- Encik Megat Yusman bin Megat Jamaludin  
Ketua Penolong Setiausaha (A) mulai 13.04.2009



- Encik Rae Morn a/l Verak  
Ketua Penolong Setiausaha (NT) sehingga 26.07.2009



- Encik Mohd Azreey Shah bin Abdul Aziz  
Ketua Penolong Setiausaha (NT) mulai 16.11.2009



- Encik Abu Bakar bin Ali  
Ketua Penolong Setiausaha (TM)



- Cik Sh. Sitti Saleha binti HabibYussof  
Ketua Pegawai Pentadbir (S)




- Puan Asfah binti Asmara  
Ketua Pegawai Pentadbir (Q) mulai 12.01.2009

**Petunjuk:**

- P – Bahagian Pengambilan PPP  
A – Bahagian Pengambilan AKS  
K – Bahagian Perkhidmatan  
NT – Bahagian Naik Pangkat Dan Tatatertib  
T – Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia  
TM – Bahagian Teknologi Maklumat  
S – Urus Setia Cawangan Sabah  
Q – Urus Setia Cawangan Sarawak

# CARTA ORGANISASI

Carta 2: Carta Organisasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



- Petunjuk :**
- K - Sektor Perkhidmatan
  - P - Sektor Pengambilan
  - PTD - Pegawai Tadbir dan Diplomatik
  - KPPM - Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
  - PPP - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
  - PPPS - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
  - PPPT - Pegawai Pendidikan, Pengajian Tinggi
  - PPPLD - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma
  - AKS - Anggota Kumpulan Sokongan

## KEDUDUKAN PERJAWATAN

Jumlah perjawatan Urus Setia Suruhanjaya mengikut waran perjawatan yang sedang berkuat kuasa ialah 267 seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Jumlah Perjawatan SPP Pada 31 Disember 2009**

Kumpulan Perkhidmatan	Ibu Pejabat	Cawangan Sabah	Cawangan Sarawak	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	1	-	-	1
Pengurusan & Profesional	32	4	4	40
Sokongan	181	22	22	226
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>267</b>

Perjawatan dan pengisian mengikut skim perkhidmatan pula adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

**Jadual 2: Kedudukan Perjawatan Mengikut Skim Perkhidmatan dan Pengisian Pada 31 Disember 2009**

Bil.	Jawatan	Gred	Perjawatan	Pengisian
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	JUSA B	1	1
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	2	2
3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52 <sup>3</sup>	5	5
4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	2	2
5.	Pegawai Teknologi Maklumat	F48	1	1
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44/41	26	26
7.	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	1
8.	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	2	2
9.	Pegawai Penerangan	S41	1	1

<sup>3</sup> Tiga perjawatan secara Khas Untuk Penyandang.

Bil.	Jawatan	Gred	Perjawatan	Pengisian
10.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	10	9
11.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	6	6
12.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	11	11
13.	Penolong Akauntan	W27	1	1
14.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	4	3
15.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	14	13
16.	Pembantu Perpustakaan	S22	1	1
17.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1
18.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N22	3	3
19.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	7	7
20.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	97	97
21.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	12	11
22.	Juruteknik Komputer	F17	1	1
23.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	33	30
24.	Pembantu Am Pejabat	N4	2	2
25.	Pembantu Am Pejabat/Penghantar Cepat	N1	16	16
26.	Pemandu Kenderaan	R3	7	7
<b>Jumlah</b>			<b>267</b>	<b>260</b>

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara...”*

*(Akta 550)  
Akta Pendidikan 1996*

# **URUSAN PELANTIKAN TETAP**

## URUSAN PELANTIKAN TETAP

Urusan pelantikan tetap dilaksanakan selaras dengan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan melibatkan skim perkhidmatan berikut:

**(a) Skim Perkhidmatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Profesional:**

- (i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41; dan
- (ii) Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/DH43/DH47/DH51/DH53<sup>4</sup>

**(b) Skim Perkhidmatan Dalam Kumpulan Sokongan:**

- (i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma Gred DGA29;
- (ii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG27 (Khas Untuk Penyandang);
- (iii) Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29/DH31/DH33<sup>5</sup>
- (iv) Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17;
- (v) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17;
- (vi) Penyelia Asrama Gred N17;
- (vii) Pembantu Pengurusan Murid Gred N17;
- (viii) Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17;
- (ix) Pembantu Makmal Gred C17;
- (x) Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11 (sehingga 1 Julai 2009);
- (xi) Tukang K2 Gred R11;
- (xii) Tukang K3 Gred R9;

<sup>4</sup> Skim PPPT merupakan skim perkhidmatan bersepadu.

<sup>5</sup> Skim perkhidmatan bersepadu yang membolehkan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

- (xiii) Pembantu Am Pejabat Gred N1;
- (xiv) Pemandu Kenderaan Gred R3;
- (xv) Pekerja Rendah Awam Gred R1; dan
- (xvi) Tukang Masak Gred N1 (sehingga 1 Julai 2009).

Sepanjang tahun 2009, Suruhanjaya telah menerima sebanyak **526,082** permohonan mengikut pecahan seperti berikut:

- (a) **37,786** permohonan bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS)/Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD)/Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS);
- (b) **43,673** permohonan bagi jawatan PPPT; dan
- (c) **444,623** permohonan bagi jawatan AKS.

Calon yang memohon pelantikan tetap PPP terdiri daripada kategori berikut:

- (a) Guru Sandaran Terlatih (GST);
- (b) calon dari kalangan pelatih program Kursus Perguruan Lepasn Ijazah (KPLI) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), KPM;
- (c) pegawai sedang berkhidmat; dan
- (d) calon pernah meletakkan jawatan<sup>6</sup> dan diperaku oleh KPM.

Permohonan untuk pelantikan ke jawatan tetap dibuka sepanjang masa dan majoriti calon yang memohon terdiri dari kalangan GST yang sedang berkhidmat di bawah KPM. Suruhanjaya menetapkan GST perlu berkhidmat **tidak kurang dari tiga bulan** sebelum dipanggil temu duga. Oleh yang demikian, proses temu duga tahun 2009 melibatkan juga GST yang mengemukakan permohonan pada tahun 2008.

Permohonan bagi jawatan PPP dan AKS boleh dibuat secara *online* melalui aplikasi e-Permohonan di portal Suruhanjaya <http://www.spp.gov.my> manakala bagi jawatan PPPT, permohonan boleh dilakukan melalui portal <http://www.jobsmalaysia.gov.my>.

<sup>6</sup> Peletakan jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau pasukan polis atau perkhidmatan pelajaran.

Terdapat juga permohonan daripada PPP Kategori B1 Gred DG17 [Khas Untuk Penyanggah (KUP)] yang memenuhi syarat untuk dilantik sebagai PPPBS Gred DG27 (KUP) khususnya di Sabah dan Sarawak.

Urusan temu duga dilaksanakan sepanjang tahun di seluruh negara. Sejumlah **57,129** orang calon dipanggil temu duga merangkumi **41,604** orang calon PPP, **1,863** orang calon PPPT dan **13,662** orang calon AKS. Daripada jumlah calon PPP yang dipanggil temu duga, **6,492** adalah dari kalangan pelatih tahun akhir IPGM.

Tindakan menemu duga pelatih tahun akhir IPGM merupakan langkah proaktif Suruhanjaya untuk mempercepatkan proses pelantikan PPP. Projek perintis ini dilaksanakan dari bulan Oktober hingga Disember 2009.


Surat tawaran pelantikan tetap dikeluarkan kepada calon yang diperaku untuk lantikan berserta dokumen seperti berikut:

- (a) surat setuju terima tawaran pelantikan tetap;
- (b) surat akuan berkanun;
- (c) borang Am 402-Pindaan 4/87 pemeriksaan doktor untuk pelantikan ke perkhidmatan awam;
- (d) surat aku janji; dan
- (e) borang tapisan keselamatan (Borang KPKK 11).


Semua dokumen tersebut perlu dilengkap dan dikembalikan kepada Suruhanjaya dalam tempoh ditetapkan bagi tujuan pengeluaran surat pengesahan pelantikan.

Carta alir proses pelantikan tetap bagi PPP, PPPT dan AKS adalah seperti di **Carta 3, 4, 5 dan 6**.


Carta 3: Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP




**Carta 4: Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP  
Dari Kalangan Pelatih KPLI-IPGM**



Carta 5: Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPPT



Carta 6: Carta Alir Proses Pelantikan Tetap AKS



## Urusan Pelantikan Tetap PPP

Pada tahun 2009, seramai **32,289** orang PPP telah dilantik tetap seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**.

**Jadual 3: Data Urusan Pelantikan Tetap PPP**

Perkara	Wilayah	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41</b>					
Permohonan		28,275	3,879	5,111	37,265
Dipanggil Temu Duga		25,237	4,759	4,291	34,287
Hadir Ditemu Duga		23,334	4,370	4,100	31,804
Tidak Hadir Temu Duga		822	166	73	1,061
Hadir Tidak Ditemu Duga		1,081	223	118	1,422
Gagal Temu Duga		164	24	16	204
Dilantik		23,170	4,346	4,084	31,600
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA GRED DGA29</b>					
Permohonan		408	79	23	510
Dipanggil Temu Duga		712	83	21	816
Hadir Ditemu Duga		618	69	19	706
Tidak Hadir Temu Duga		50	6	1	57
Hadir Tidak Ditemu Duga		44	8	1	53
Gagal Temu Duga		20	3	1	24
Dilantik		598	66	18	682
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH DG27 (KHAS UNTUK PENYANDANG)</b>					
Permohonan		2	9	-	11
Dipanggil Temu Duga		2	7	-	9
Hadir Ditemu Duga		2	5	-	7
Tidak Hadir Temu Duga		-	-	-	-
Hadir Tidak Ditemu Duga		-	2	-	2
Gagal Temu Duga		-	-	-	-
Dilantik		2	5	-	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN URUSAN PELANTIKAN TETAP PPP</b>					
Permohonan		28,685	3,967	5,134	37,786
Dipanggil Temu Duga <sup>7</sup>		25,951	4,849	4,312	35,112
Hadir Ditemu Duga		23,954	4,444	4,119	32,517
Tidak Hadir Temu Duga		872	172	74	1,118
Hadir Tidak Ditemu Duga <sup>8</sup>		1,125	233	119	1,477
Gagal Temu Duga		184	27	17	228
Dilantik		23,770	4,417	4,102	32,289

<sup>7</sup> Jumlah calon yang dipanggil temu duga turut mengambil kira permohonan yang diterima pada akhir tahun 2008 tetapi belum ditemu duga.

<sup>8</sup> Kategori hadir tidak ditemu duga adalah merujuk kepada calon yang tidak membawa dokumen lengkap semasa sesi temu duga dan dengan itu tidak memenuhi syarat untuk ditemu duga.

## Pencapaian Piagam Pelanggan

Elemen dan pencapaian piagam pelanggan dapat dilihat di **Jadual 4**.

**Jadual 4: Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan PPP<sup>9</sup>**

Elemen Piagam Pelanggan		Calon	Jumlah	Pencapaian
(a)	Semua calon PPP ditemu duga tidak lewat daripada sembilan bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.	Semenanjung	25,951	99.98%
		Sabah	4,849	
		Sarawak	4,312	
(b)	Keputusan temu duga dikeluarkan tidak lewat daripada empat minggu selepas kelulusan Suruhanjaya. <sup>10</sup>	Semenanjung	24,954	100%
		Sabah	4,444	
		Sarawak	4,119	

Daripada jumlah calon yang terlibat di **Jadual 3**, hanya lima daripada 712 orang calon PPPLD (0.7%) di Semenanjung yang ditemu duga melebihi tempoh sembilan bulan daripada tarikh permohonan lengkap diterima.



Sesi Temu Duga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

<sup>9</sup> Jumlah dipanggil temu duga turut mengambil kira permohonan yang diterima pada tahun 2008 tetapi belum ditemu duga.

<sup>10</sup> Keputusan hanya bagi calon yang hadir ditemu duga.

## Urusan Pelantikan Tetap Ke Jawatan PPP Dari Kalangan Pelatih KPLI-IPGM

Urusan temu duga pelantikan tetap dari kalangan pelatih KPLI-IPGM merupakan satu inisiatif baru ke arah menambahbaik urusan pengambilan PPP. Objektif utama pelaksanaan temu duga ketika calon masih dalam latihan perguruan adalah untuk menjaga kebajikan calon PPP melalui pengurangan tempoh perkhidmatan sebagai GST. Ini kerana GST tidak ditakrifkan sebagai pegawai awam dan dengan itu tidak layak menerima faedah dan kemudahan yang dinikmati oleh pegawai awam sekalipun mereka memberikan perkhidmatan yang sama dengan guru tetap.

Urusan temu duga dari kalangan pelatih KPLI-IPGM ambilan Januari 2009 telah diadakan mulai 20 Oktober hingga 10 Disember 2009 mengikut zon Utara, Tengah, Selatan, Timur serta Sabah dan Sarawak. Seramai **6,492** orang calon telah dipanggil temu duga dan daripada jumlah itu, seramai **6,242** orang calon diperaku, **dua** orang calon diperaku bersyarat manakala **96** orang calon gagal. Seramai **31** orang calon tidak hadir temu duga dan baki **121** orang calon hadir tetapi tidak ditemu duga kerana tidak membawa dokumen yang disyaratkan. Perincian temu duga seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5: Data Urusan Pelantikan Tetap PPP Calon Dari Kalangan Pelatih KPLI-IPGM<sup>11</sup>**

Perkara	Wilayah						Jumlah
	Utara	Tengah	Selatan	Timur	Sabah dan Sarawak		
Permohonan	1,727	1,260	1,202	964	1,339	6,492	
Dipanggil Temu Duga	1,727	1,260	1,202	964	1,339	6,492	
Hadir Ditemu Duga	1,675	1,230	1,180	944	1,311	6,340	
Tidak Hadir Temu Duga	12	6	4	8	1	31	
Hadir Tidak Ditemu Duga	40	24	18	12	27	121	
Gagal Temu Duga	44	17	17	11	7	96	
Diperaku Bersyarat <sup>12</sup>	-	-	1	-	1	2	
Diperaku	1,631	1,213	1,162	933	1,303	6,242	

<sup>11</sup> Pelantikan dikuat kuasa dalam tahun 2010.

<sup>12</sup> Calon tidak membawa ijazah.

Perakuan untuk lantikan tetap sebagai PPP calon dari kalangan pelatih di IPGM akan mengurangkan tempoh perkhidmatan mereka sebagai GST apabila diberi penempatan oleh KPM sebaik tamat kursus. Lantikan tetap mereka akan berkuat kuasa sebaik sahaja mereka lulus kursus ikhtisas di IPGM dan dengan itu memenuhi syarat skim perkhidmatan.



Suasana Temu Duga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

## Urusan Pelantikan Tetap Pensyarah Politeknik Dan Kolej Komuniti Berasaskan Skim Perkhidmatan PPPT Gred DH41 Dan Gred DH29

Bagi jawatan PPPT, urusan pengambilan dilaksanakan di ibu pejabat urus setia Suruhanjaya berdasarkan keperluan pengisian jawatan PPPT Gred DH41 dan PPPT Gred DH29 mengikut bidang pengkhususan di Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Pengambilan dilaksanakan melalui tiga kategori meliputi calon pasaran terbuka, calon dari kalangan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan calon dari Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP).

Bilangan permohonan calon pasaran terbuka yang diterima melalui <http://www.jobsmalaysia.gov.my> bagi tahun 2009 adalah sebanyak **43,673**. Daripada jumlah tersebut, **22,337** permohonan adalah bagi jawatan PPPT Gred DH41 manakala **21,336** permohonan lagi adalah bagi jawatan PPPT Gred DH29.

Sejumlah **1,863** orang calon telah dipanggil temu duga meliputi **1,569** orang calon bagi jawatan PPPT Gred DH41 dan **294** orang calon bagi jawatan Gred DH29. Seramai **1,116** orang calon telah dilantik ke jawatan tetap seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6: Data Urusan Pelantikan Tetap PPPT

Perkara	DH41	DH29	Jumlah
Permohonan	22,337	21,336	43,673
Dipanggil Temu Duga	1,569	294	1,863
Hadir Ditemu Duga	1,034	209	1,243
Tidak Hadir Temu Duga	484	63	547
Hadir Tidak Ditemu Duga	51	22	73
Gagal Temu Duga	85	32	117
Dilantik <sup>13</sup>	1,116	-	1,116

<sup>13</sup> Jumlah calon DH41 yang dilantik pada tahun 2009 adalah termasuk 513 orang calon yang ditemu duga pada bulan Disember 2008.

## Pencapaian Piagam Pelanggan

Elemen dan pencapaian piagam pelanggan dapat dilihat di **Jadual 7**.

**Jadual 7: Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan PPPT**

Elemen Piagam Pelanggan		Jumlah	Pencapaian
(a)	Semua calon PPPT ditemu duga dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan pengisian jawatan oleh KPTM.	1,863 <sup>14</sup>	99.46%
(b)	Keputusan temu duga dikeluarkan tidak lewat daripada empat minggu selepas kelulusan Suruhanjaya.	1,243 <sup>15</sup>	100%



Sesi taklimat mengenai latar belakang dan fungsi Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Johor pada 30 April 2010 bersempena Lawatan Kerja SPP di JPN Johor.


<sup>14</sup> Jumlah yang terlibat ialah 1,569 orang calon DH41 dan 294 orang calon DH29. Temu duga bagi 10 orang calon DH41 dilaksanakan selepas tiga bulan dari tarikh permohonan pengisian oleh KPTM disebabkan kesukaran untuk mendapatkan calon bagi bidang pengkhususan Bahasa Isyarat.

<sup>15</sup> Jumlah yang terlibat ialah 1,034 orang calon DH41 dan 209 orang calon DH29.

## Urusan Pelantikan Tetap Anggota Kumpulan Sokongan

Pengambilan AKS bagi tahun 2009 dilaksanakan mengikut wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sebanyak **444,623** permohonan diterima seperti di **Carta 7**.

Carta 7: Jumlah Permohonan Bagi Jawatan AKS



Daripada **444,623** permohonan diterima, seramai **13,662** orang calon dipanggil temu duga termasuk seramai **274** orang calon dari kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Seramai **6,359** orang calon telah dilantik dan **23** orang daripada jumlah tersebut adalah terdiri dari kalangan OKU.

Seramai **9,105** orang calon di Semenanjung telah dipanggil temu duga dan **4,951** orang dilantik ke jawatan tetap. Jumlah calon yang dipanggil temu duga di Sabah adalah seramai **948** orang calon, namun pelantikan seramai **1,109** orang calon turut merangkumi **1,076** orang calon simpanan bagi tahun 2008. Bagi urusan pelantikan tetap AKS di Sarawak, **3,609** orang calon dipanggil temu duga. Seramai 299 orang calon dilantik, merangkumi juga calon simpanan tahun 2008. Sejumlah 452 orang calon pula telah ditawarkan jawatan yang berkaitan pada hujung bulan Disember 2009.

Urusan pelantikan bagi jawatan Gred 17 yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dapat dilihat di **Jadual 8** berikut:

**Jadual 8: Pelantikan Tetap Ke Jawatan AKS Gred 17**

Perkara \ Jawatan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Pembantu Pengurusan Murid	Pembantu Makmal	Penyelia Asrama	Pegawai Khidmat Pelanggan	Jumlah
<b>Calon Semenanjung</b>							
Dipanggil Temu Duga	4,876	327	1,685	1,208	321	139	8,556
Hadir Temu Duga	3,532	205	1,305	876	212	87	6,217
Tidak Hadir Temu Duga	1,344	122	380	332	109	52	2,339
Gagal Temu Duga	1,032	118	335	439	76	40	2,040
Dilantik <sup>16</sup>	<b>2,738</b>	<b>109</b>	<b>1,144</b>	<b>299</b>	<b>98</b>	<b>24</b>	<b>4,412</b>
<b>Calon Sabah</b>							
Dipanggil Temu Duga	386	22	35	356	143	6	948
Hadir Temu Duga	298	14	27	217	96	4	656
Tidak Hadir Temu Duga	88	8	8	139	47	2	292
Gagal Temu Duga	125	6	1	81	35	1	249
Dilantik <sup>17</sup>	<b>585</b>	<b>9</b>	<b>514</b>	-	-	<b>1</b>	<b>1,109</b>
<b>Calon Sarawak</b>							
Dipanggil Temu Duga	1,933	-	1,349	325	2	-	3,609
Hadir Temu Duga	1,164	-	987	135	2	-	2,288
Tidak Hadir Temu Duga	769	-	362	190	-	-	1,321
Gagal Temu Duga	255	-	393	45	-	-	693
Ditawar <sup>18</sup>	195	-	227	30	-	-	452
Dilantik <sup>19</sup>	<b>195</b>	-	<b>102</b>	-	<b>2</b>	-	<b>299</b>

Pelantikan ke jawatan di gred yang lebih rendah daripada Gred 17 hanya dilaksanakan di Semenanjung seperti di **Jadual 9** berikut:

**Jadual 9: Pelantikan Tetap Ke Jawatan AKS Gred 11 Dan Ke Bawah**

Perkara \ Jawatan	Pembantu Tadbir Rendah	Pembantu Am Pejabat	Pekerja Rendah Awam	Jaga	Tukang Kebun	Tukang Masak	Jumlah
Dipanggil Temu Duga	472	25	28	6	3	15	549
Hadir Temu Duga	453	22	25	6	3	15	524
Tidak Hadir Temu Duga	19	3	3	-	-	-	25
Gagal Temu Duga	47	-	-	-	-	-	47
Dilantik <sup>20</sup>	<b>468</b>	<b>22</b>	<b>25</b>	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>15</b>	<b>539</b>

<sup>16</sup> Termasuk calon simpanan tahun 2008.

<sup>17</sup> Termasuk calon simpanan tahun 2008.

<sup>18</sup> Tawaran dikeluarkan pada Disember 2009 dan lantikan belum berkuat kuasa.

<sup>19</sup> Termasuk calon simpanan tahun 2008.

<sup>20</sup> Termasuk calon simpanan tahun 2008.

## Pencapaian Piagam Pelanggan


Pencapaian piagam pelanggan bagi urusan pengambilan AKS ditunjukkan di **Jadual 10**. Dari segi panggilan temu duga, pencapaian urusan di Semenanjung ialah 94.84% disebabkan kelewatan mengendali ujian menaip dan masalah teknikal berikutan penambahbaikan proses tapisan yang memberi kesan ke atas sistem sedia ada.

**Jadual 10: Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Pengambilan AKS**

	Elemen Piagam Pelanggan	Calon	Jumlah	Pencapaian
(a)	Semua calon AKS dipanggil temu duga dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan pengisian jawatan oleh KPM.	Semenanjung	9,105	96.57%
		Sabah	948	
		Sarawak	3,609	
(b)	Keputusan temu duga dikeluarkan tidak lewat daripada empat minggu selepas kelulusan Suruhanjaya.	Semenanjung	6,741	100%
		Sabah	656	
		Sarawak	2,288	

*“Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajiban sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya...”*

*Perkara 144(1)  
Perlembagaan Persekutuan*



# **URUSAN PERKHIDMATAN**

## URUSAN PERKHIDMATAN

Urusan perkhidmatan yang diperakukan oleh Ketua Jabatan untuk pertimbangan dan kelulusan Suruhanjaya adalah meliputi:

- (a) pengesahan dalam perkhidmatan;
- (b) pelanjutan tempoh percubaan;
- (c) pemberian taraf berpencen;
- (d) pelantikan sementara;
- (e) penamatan perkhidmatan;
- (f) pertukaran pelantikan;
- (g) pelantikan secara kontrak;
- (h) pelantikan secara pertukaran sementara/peminjaman/pertukaran tetap;
- (i) kenaikan pangkat; dan
- (j) rayuan kenaikan pangkat.

Setiap perakuan yang diterima akan diproses berdasarkan peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U. (A) 176/2005], Pekeliling-pekelling Perkhidmatan dan Pekeliling-pekelling Suruhanjaya yang sedang berkuat kuasa.

Sebanyak **67,576** perakuan untuk pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan dan pemberian taraf berpencen telah diluluskan Suruhanjaya seperti perangkaan di **Jadual 11**.

**Jadual 11: Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen**

Urusan	Wilayah			
	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	15,458	2,065	2,317	19,840
Pelanjutan Tempoh Percubaan	181	59	71	311
Pemberian Taraf Berpencen	33,586	7,230	6,609	47,425
<b>Jumlah</b>	<b>49,225</b>	<b>9,354</b>	<b>8,997</b>	<b>67,576</b>

## Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Anggota Perkhidmatan Pelajaran layak diperakukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan setelah memenuhi syarat berikut:

- (a) telah menjalani tempoh percubaan yang ditetapkan;
- (b) hadir dan lulus dengan jayanya kursus induksi;
- (c) lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan;
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (e) lulus tapisan keselamatan.

Seramai **19,747** orang Anggota Perkhidmatan Pelajaran telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan. Perangkaan tersebut termasuk seramai **1,426** orang PPP yang bersetuju menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan PPPT. Perangkaan mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12: Pengesahan Dalam Perkhidmatan<sup>21</sup>

Wilayah	Perkhidmatan					Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPBS	PPPT	AKS	
Semenanjung	9,041	1,548	2	1,960	2,848	15,399
Sabah	1,437	244	48	36	277	2,042
Sarawak	1,436	123	10	21	716	2,306
<b>Jumlah</b>	<b>11,914</b>	<b>1,915</b>	<b>60</b>	<b>2,017</b>	<b>3,841</b>	<b>19,747</b>

<sup>21</sup> Merujuk kepada Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dengan memilih opsyen pencen dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan bagi PPP yang memilih opsyen ke skim perkhidmatan PPPT.

### Pelanjutan Tempoh Percubaan

Pelanjutan tempoh percubaan dilaksanakan apabila pegawai tidak dapat disahkan dalam tempoh percubaan asal. Perangkaan mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13: Pelanjutan Tempoh Percubaan

Wilayah	Perkhidmatan					Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPBS	PPPT	AKS	
Semenanjung	25	9	-	1	87	122
Sabah	1	-	-	-	35	36
Sarawak	12	2	-	-	46	60
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>	<b>11</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>168</b>	<b>218</b>



Mesyuarat Suruhanjaya

## Pemberian Taraf Berpencen

Seseorang anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih skim KWSP serta telah berkhidmat selama tidak kurang dari tiga tahun dalam perkhidmatan yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen mengikut Peraturan 36(1) dan (2), P.U. (A) 176/2005.

Seramai **49,189** anggota telah diluluskan pemberian taraf berpencen. Jumlah tersebut termasuk seramai **28,761** anggota yang telah diluluskan pemberian taraf berpencen berdasarkan opsyen semula mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008. Perangkaan mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Pemberian Taraf Berpencen

Wilayah	Perkhidmatan					Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPBS	PPPT	AKS	
Semenanjung	19,500	10,450	1	849	2,738	33,538
Sabah	2,568	4,082	54	16	498	7,209
Sarawak	3,848	3,341	3	136	1,114	8,442
<b>Jumlah</b>	<b>25,916</b>	<b>17,873</b>	<b>58</b>	<b>1,001</b>	<b>4,350</b>	<b>49,189</b>

## Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Seramai **14** orang anggota telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan dan pengesahan dalam perkhidmatan. Mereka terdiri daripada sembilan orang PPPS dan dua orang AKS di Semenanjung, dua orang AKS di Sabah dan seorang PPPS di Sarawak.

## Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen

Seramai **79** orang anggota diluluskan pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen. Perangkaan mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15: Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen**

Wilayah	Perkhidmatan					Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPBS	PPPT	AKS	
Semenanjung	18	5	-	-	25	48
Sabah	3	1	2	-	15	21
Sarawak	1	-	-	-	9	10
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>49</b>	<b>79</b>

Urusan pelanjutan tempoh percubaan pegawai sepatutnya diperakukan ke Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh percubaan, sebaliknya pelanjutan tempoh percubaan diperaku serentak dengan urusan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen.

#### Pilihan Skim Pencen Atau Skim KWSP

Seramai **15,115** orang Anggota Perkhidmatan Pelajaran telah memilih skim pencen manakala seramai **517** orang memilih skim KWSP. Perangkaan mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16: Pilihan Skim Pencen Atau Skim KWSP**

Wilayah	Perkhidmatan					Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPBS	PPPT	AKS	
<b>Pilihan Skim Pencen</b>						
Semenanjung	7,169	1,327	2	443	2,643	11,584
Sabah	1,188	211	6	36	246	1,687
Sarawak	1,015	109	3	15	702	1,844
<b>Jumlah</b>	<b>9,372</b>	<b>1,647</b>	<b>11</b>	<b>494</b>	<b>3,591</b>	<b>15,115</b>
<b>Pilihan Skim KWSP</b>						
Semenanjung	143	150	-	5	6	304
Sabah	79	29	-	-	3	111
Sarawak	87	7	-	-	8	102
<b>Jumlah</b>	<b>309</b>	<b>186</b>	<b>-</b>	<b>5</b>	<b>17</b>	<b>517</b>

### **Pelantikan Sementara**

Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai **335** orang PPPT Sementara Gred DH41/DH29 untuk berkhidmat sebagai pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM. Pelantikan tersebut telah dilaksanakan dalam dua siri. Bagi siri pertama, seramai **161** daripada **180** orang calon yang diberi tawaran lantikan menerima tawaran tersebut manakala **155** orang calon diberi tawaran lantikan dalam siri kedua pada Disember 2009.

### **Penamatan Perkhidmatan**

Perkhidmatan seseorang pegawai boleh ditamatkan mengikut Peraturan 46, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dalam keadaan berikut:

- (a) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;
- (b) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 19(1)(b) P.U. (A) 176/2005;
- (c) tidak mematuhi kehendak perenggan 19(1)(c) P.U. (A) 176/2005;
- (d) memalsukan apa-apa dokumen yang berhubung dengan pelantikannya; atau
- (e) gagal tapisan keselamatan.

Selain itu, seorang pegawai yang gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan yang ditetapkan, sama ada tempoh percubaan asal atau yang dilanjutkan juga boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 47, P.U.(A) 176/2005.

Suruhanjaya telah mengeluarkan surat tunjuk sebab penamatan perkhidmatan kepada seramai **lima** orang anggota dan daripada jumlah tersebut **empat** orang anggota telah ditamatkan perkhidmatan manakala **seorang** PPPLD Gred DGA29 masih dalam proses untuk ditamatkan.

### Pertukaran Pelantikan

Pertukaran pelantikan dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dalam dua keadaan iaitu atas dasar kerajaan (pembubaran agensi/penjumudan skim perkhidmatan/sebab-sebab lain) atau atas permohonan pegawai itu sendiri. Pertukaran pelantikan atas dasar kerajaan dibuat melalui tawaran opsyen pertukaran pelantikan mengikut syarat-syarat pertukaran pelantikan yang telah ditetapkan manakala pertukaran pelantikan atas permohonan pegawai perlu mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Melantik agensi asal dan Pihak Berkuasa Melantik agensi penerima.

Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri bagi **enam** orang anggota. Seramai **170** orang anggota lantikan tetap di Sekolah Agama Negeri telah ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan daripada perkhidmatan negeri ke perkhidmatan pelajaran dan **20** orang PPP yang berkhidmat di KPTM telah ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim PPPT. Perangkaan urusan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17: Pertukaran Pelantikan

Urusan	Perkhidmatan			Jumlah
	PPPS	PPPLD	AKS	
Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Pegawai	1	-	5	6
Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen (Skim PPPS/PPPLD Ke Skim PPPT)	20	-	-	20
Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen Guru/ AKS Di Sekolah Agama Negeri Ke Perkhidmatan Pelajaran	37	96	37	170
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>	<b>96</b>	<b>42</b>	<b>196</b>

Pertukaran pelantikan turut dilaksanakan melalui perwakilan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan), KPM dan semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri/Wilayah Persekutuan bagi jawatan-jawatan berikut yang dijumlahkan oleh kerajaan:

- (a) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11/N14 kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009; dan
- (b) Tukang Masak Gred N1/N4 kepada Tukang Masak Gred N17 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009.

### Pelantikan Secara Kontrak

Pelantikan secara kontrak bermaksud lantikan ke suatu jawatan yang dibuat bagi tempoh tertentu mengikut syarat yang dipersetujui antara Pihak Berkuasa Melantik dan pegawai. Pelantikan secara kontrak dibuat dari kalangan calon yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dan juga yang diberi kelonggaran syarat skim perkhidmatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kelonggaran syarat yang diberi kebanyakannya adalah berkaitan taraf kewarganegaraan, kelulusan akademik dan had umur untuk lantikan.

Suruhanjaya telah meluluskan perakuan pelantikan secara kontrak bagi **556** orang anggota. Perangkaan mengikut kategori calon adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18: Pelantikan Secara Kontrak

Kategori	Perkhidmatan				Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPT	AKS	
Memenuhi syarat skim perkhidmatan	-	-	6	-	6
Tidak memenuhi syarat akademik	49	126	-	276	451
Tidak memenuhi syarat akademik dan melebihi had umur	24	36	-	9	69
Tidak memenuhi syarat akademik dan bukan warganegara	10	5	-	-	15
Pesara kerajaan	1	-	6	-	7
Pesara tentera	-	8	-	-	8
<b>Jumlah</b>	<b>84</b>	<b>175</b>	<b>12</b>	<b>285</b>	<b>556</b>

### Pertukaran Sementara

Pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan yang lain di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama atau Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan dalam tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dari perkhidmatan asalnya. Suruhanjaya telah meluluskan pelepasan bagi tujuan pertukaran sementara atau pelanjutan pertukaran sementara untuk seramai **226** orang anggota. Walau bagaimanapun, dua daripada pegawai yang telah diluluskan pertukaran sementara telah memohon semula untuk pembatalan pertukaran menjadikan jumlah yang diluluskan hanya **224** orang sahaja. Perangkaan urusan pertukaran sementara adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19: Pertukaran Sementara

Urusan	Perkhidmatan				Jumlah
	PPPS	PPPLD	PPPT	AKS	
Pertukaran Sementara	85	3	53	1	142
Pelanjutan Pertukaran Sementara	45	8	10	-	63
Pemendekan Pertukaran Sementara	18	1	-	-	19
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>	<b>12</b>	<b>63</b>	<b>1</b>	<b>224</b>

### Peminjaman Pegawai

Peminjaman pegawai bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan awam negeri, Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi dalam dan luar Malaysia untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan asalnya. Peminjaman dilaksanakan setelah mendapat persetujuan agensi pembekal, agensi peminjam dan pegawai berkenaan. Suruhanjaya telah bersetuju melepaskan seramai **19** orang iaitu **14** orang PPPS dan **lima** orang PPPLD untuk dipinjamkan di pelbagai agensi. Daripada jumlah itu, **lapan** orang PPPS dan **tiga** orang PPPLD dilanjutkan tempoh peminjaman.

## **Pertukaran Tetap**

Pertukaran tetap bermaksud pelantikan tetap pegawai yang sedang berkhidmat secara pinjaman atau pertukaran sementara ke jawatan yang disandangnya di agensi peminjam. Pelantikan ini bermakna hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Suruhanjaya telah bersetuju melepaskan seramai **tiga** orang PPPS Gred DG44 untuk pertukaran tetap ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S48 di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan **seorang** PPPS Gred DG44 ke skim perkhidmatan Pegawai Psikologi Gred S48 sebagai Pengarah di Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## **Kenaikan Pangkat**

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat PPPT memandangkan Lembaga berkenaan belum diwujudkan di KPTM. Iklan kenaikan pangkat telah dikeluarkan pada 30 Jun 2008 untuk mempelawa penyandang PPPT Gred DH29/DH32/DH34 yang telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian untuk kenaikan pangkat ke Gred DH42. Seramai **156 orang** PPPT telah memohon dan daripada jumlah tersebut, **51** orang telah dinaikkan pangkat ke Gred DH42.

Lanjutan kepada iklan Suruhanjaya pada 18 September 2008, urusan kenaikan pangkat PPPT dari Gred DH29 ke Gred DH32 dan dari Gred DH32 ke Gred DH34 dilaksanakan. Sebanyak **687** permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut seramai **449** orang telah dinaikkan pangkat ke Gred DH32 dan **58** orang dinaikkan pangkat ke Gred DH34.

## **Rayuan Kenaikan Pangkat**

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat untuk menimbang rayuan kenaikan pangkat daripada PPPS yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran. Walau bagaimanapun, tiada rayuan diterima pada tahun 2009.

## Pencapaian Piagam Pelanggan

Berasaskan kepada piagam pelanggan, keputusan urusan perkhidmatan dikeluarkan dalam tempoh enam minggu selepas perakuan lengkap diterima bagi ibu pejabat dan lapan minggu bagi Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak. Pencapaian mengikut urusan perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20: Pencapaian Piagam Pelanggan Urusan Perkhidmatan**

Urusan	Semenanjung		Sabah		Sarawak		Keseluruhan	
	Jumlah	Pencapaian	Jumlah	Pencapaian	Jumlah	Pencapaian	Jumlah	Pencapaian
Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) <sup>22</sup>	12,450	89.10%	1,962	96.08%	2,306	100%	16,718	91.25%
Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP)	103	84.43%	36	100.00%	60	100%	199	91.28%
Pemberian Taraf Berpencen (PTB) <sup>23</sup>	13,004	86.54%	1,793	95.88%	1,689	100%	16,486	88.71%
PTP Dan PDP	11	100%	2	100%	1	100%	14	100%
PTP, PDP Dan PTB	46	95.83%	21	100%	10	100%	77	97.47%
<b>Jumlah</b>	<b>25,614</b>	<b>87.78%</b>	<b>3,814</b>	<b>96.05%</b>	<b>4,066</b>	<b>100%</b>	<b>33,494</b>	<b>90%</b>

## Pemerhatian Suruhanjaya Ke Atas Kecekapan Ketua Jabatan Memperakukan Urusan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2009, Suruhanjaya telah menerima perakuan daripada Ketua Jabatan di bawah KPM dan KPTM melibatkan sejumlah **37,217** orang anggota bagi urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Pelanjutan Tempoh Percubaan. Perangkaan di **Jadual 21** menunjukkan sejumlah **24,478 perakuan** iaitu **66%** diterima dalam masa yang ditetapkan manakala sejumlah **12,739** atau **34%** daripada jumlah perakuan yang diterima adalah melewati tempoh masa yang ditetapkan.

<sup>22</sup> Tidak termasuk PDP bagi 1,426 PPP yang menerima opsyen pertukaran pelantikan ke PPPT.

<sup>23</sup> Tidak termasuk PTB bagi 28,761 anggota yang opsyen semula mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 2008.

Jadual 21: Perangkaan Kelewatan Urusan Perkhidmatan

Perakuan Kem/JPN	Januari		Februari		Mac		April		Mei		Jun		Julai		Ogos		September		Oktober		November		Disember		Jumlah Perakuan	Jumlah Perakuan Lawat	Peratus (%) Kelewatan
	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat	Terima	Lawat			
Perak	166	36	245	49	421	37	193	28	101	35	140	79	247	141	245	134	161	84	206	90	165	67	552	240	2,842	1,020	35.9
Selangor	264	47	389	63	877	70	531	61	179	63	337	235	440	268	696	371	353	192	443	199	315	122	660	292	5,484	1,983	36.2
Pahang	214	26	218	35	381	54	65	4	118	33	179	109	314	194	379	206	232	122	184	82	203	75	600	219	3,087	1,159	37.5
Kelantan	173	20	167	25	204	18	104	11	70	10	44	15	35	11	68	27	42	11	40	11	87	21	302	129	1,336	309	23.1
Johor	269	28	218	33	965	109	285	44	209	81	206	97	281	148	476	218	319	144	490	202	492	167	995	308	5,205	1,579	30.3
Kedah	129	15	161	19	191	45	130	19	51	17	70	28	111	64	209	76	124	43	132	38	124	36	357	116	1,789	516	28.8
Melaka	48	3	95	8	163	13	106	10	38	12	31	12	22	13	136	87	84	45	132	37	183	65	226	82	1,264	387	30.6
Negeri Sembilan	110	46	163	34	273	22	66	6	53	19	22	17	47	17	77	27	46	19	85	36	124	46	213	92	1,279	381	29.8
Pulau Pinang	133	35	76	13	229	28	144	17	67	22	63	26	157	115	174	113	153	90	77	39	107	43	308	172	1,688	713	42.2
Perlis	32	4	15	5	35	6	11	2	9	3	18	6	23	5	19	3	20	5	20	10	19	3	22	7	243	59	24.3
Terengganu	74	12	54	14	211	15	134	18	62	12	61	30	69	31	132	64	91	28	87	41	60	20	170	82	1,205	367	30.5
Putrajaya	9	1	25	4	33	1	4	0	7	4	7	1	63	29	30	15	25	8	4	1	4	2	12	2	223	68	30.5
Kuala Lumpur	103	14	90	28	236	36	73	7	157	74	46	19	131	75	213	154	105	66	102	50	161	74	154	84	1,571	681	43.3
KPM	14	2	25	5	67	5	21	2	12	5	40	7	97	29	157	59	84	24	100	36	133	53	175	3	925	230	24.9
KPTM	40	3	16	2	38	1	70	6	61	2	78	4	46	4	47	13	64	5	127	12	127	13	325	28	1,039	93	9.0
Sarawak	431	21	382	40	165	12	177	23	72	33	334	63	510	222	486	147	42	25	229	111	873	447	365	182	4,066	1,326	32.6
Sabah	155	40	111	29	55	16	210	124	349	168	348	167	473	208	803	566	239	110	310	108	367	149	366	129	3,786	1,814	47.9
Labuan	28	5	31	1	3	0	3	2	2	1	1	0	35	5	32	19	5	2	15	2	23	13	7	4	185	54	29.2
Jumlah	2,392	358	2,481	407	4,547	488	2,327	384	1,617	594	2,025	915	3,101	1,579	4,379	2,299	2,189	1,023	2,783	1,105	3,567	1,416	5,809	2,171	37,217	12,739	34

Suruhanjaya telah mengambil langkah tertentu untuk penambahbaikan urusan perkhidmatan, antaranya:

- (a) mengadakan seminar urusan perkhidmatan;
- (b) melaksanakan pemantauan urusan perkhidmatan dengan pihak JPN, PPD, KPM dan juga KPTM;
- (c) mengadakan penyemakan data kelewatan urusan perkhidmatan secara dua hala dengan JPN, PPD, KPM dan KPTM; dan
- (d) mengadakan sesi taklimat/penerangan urusan perkhidmatan kepada JPN dan PPD.

Suruhanjaya turut mengambil langkah proaktif mengeluarkan **surat tindakan susulan urusan perkhidmatan setelah surat pengesahan lantikan** dikeluarkan kepada anggota yang baru dilantik serta **surat akuan terima** kepada Anggota Perkhidmatan Pelajaran yang diperakukan urusan perkhidmatan mereka oleh KPM, KPTM, JPN, Politeknik dan Kolej Komuniti.



Taklimat urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pelajaran pada 26 Februari 2009 bersempena Lawatan Kerja Pembantu Tadbir dan Pembantu Tadbir Rendah Sekolah-Sekolah Menengah dan Rendah Daerah Alor Gajah, Melaka ke SPP.

# **URUSAN TATATERTIB**

## URUSAN TATATERTIB

Suruhanjaya selaku Pihak Berkuasa Tatatertib mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman sehingga **buang kerja** atau **turun pangkat** bagi penyandang PPPS yang terlibat dengan kesalahan tatatertib. Suruhanjaya juga bertindak selaku Lembaga Rayuan Tatatertib kepada Anggota Perkhidmatan Pelajaran yang tidak berpuas hati ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pelajaran selainnya.

Fungsi Suruhanjaya yang tersebut juga terpakai kepada penyandang di bawah skim PPPT yang diwujudkan mulai 1 Januari 2008 sehingga Lembaga-lembaga Tatatertib ditubuhkan di peringkat KPTM selaras dengan Perkara 144(5B) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam mengendalikan kes salah laku Anggota Perkhidmatan Pelajaran yang terlibat dengan kes jenayah dan dituduh di mahkamah, Suruhanjaya boleh mengenakan perintah tahan kerja dan perintah gantung kerja sebelum hukuman tatatertib dijatuhkan ke atas pegawai.

### Tindakan Tatatertib

Dalam tahun 2009, sebanyak **29** kertas pertimbangan kes tatatertib telah diputuskan oleh Suruhanjaya yang melibatkan **11** kes tatatertib am, **13** kes tatatertib jenayah, **empat** kes keselamatan dan **satu** kes pewartaan kerana pegawai tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan.

Daripada **11** kes tatatertib am, **satu** kes melibatkan PPPT iaitu kesalahan prosedur kewangan manakala bagi PPPS, **lima** kes melibatkan kesalahan tidak hadir bertugas tanpa kebenaran atau tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah, **dua** kes gangguan seksual dan masing-masing **satu** bagi kes kesalahan melanggar prosedur kewangan, gagal mematuhi arahan pertukaran serta menjalinkan perhubungan intim dengan pelajar.

Bagi kes tatatertib jenayah pula, **dua** daripadanya melibatkan rasuah, **tiga** kes cabul kehormatan, **lima** kes khalwat yang mana **empat** kes adalah daripada kategori PPPS dan **satu** kategori PPPT. Masing-masing **satu** kes pula adalah kes rogol, mengambil bahagian dalam perniagaan (kesalahan di bawah Seksyen 168 Kanun Keseksaan) dan kecuaiian memandu sehingga menyebabkan kematian.

Sebanyak **empat** kes keselamatan melibatkan **dua** kes aktiviti mengancam keselamatan negara dan **dua** kes mengedar dan menyebarkan buku yang diwartakan haram oleh Kementerian Dalam Negeri.

Jadual 22: Kes Tatatertib

Kes Tatatertib	PPPS	PPPT	Jumlah
<b>Kes Tatatertib Am</b>			
Tidak Hadir Bertugas	5	-	5
Gangguan Seksual	2	-	2
Kesalahan Prosedur Kewangan	1	1	2
Gagal Mematuhi Arahan Pertukaran	1	-	1
Menjalinkan Perhubungan Intim Dengan Pelajar	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>11</b>
<b>Kes Tatatertib Jenayah</b>			
Rasuah	2	-	2
Cabul Kehormatan	3	-	3
Khalwat	4	1	5
Rogol	1	-	1
Mengambil Bahagian Dalam Perniagaan	1	-	1
Kecuaian Memandu Sehingga Menyebabkan Kematian	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>1</b>	<b>13</b>
<b>Kes Keselamatan</b>			
Aktiviti Mengancam Keselamatan Negara	2	-	2
Mengedar Dan Menyebarkan Buku Yang Diwartakan Haram oleh Kementerian Dalam Negeri	-	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>4</b>
<b>Kes Keselamatan</b>			
Pewartaan	1	-	1
<b>Jumlah Kes</b>	<b>25</b>	<b>4</b>	<b>29</b>

Daripada **29** kes yang telah diselesaikan, **19** kes berkesudahan dengan hukuman tatatertib yang dikenakan seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23: Hukuman Tatatertib**

Hukuman	Kesalahan	Jumlah
Buang kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak hadir bertugas</li> <li>• Gangguan seksual</li> <li>• Menjalinkan perhubungan intim dengan pelajar</li> <li>• Cabul kehormatan</li> </ul>	4
Turun pangkat, lucuthak emolomen dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melanggar prosedur kewangan</li> <li>• Khalwat</li> </ul>	2
Turun pangkat dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak hadir bertugas</li> </ul>	1
Turun gaji dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khalwat</li> </ul>	1
Turun gaji	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gangguan seksual</li> <li>• Khalwat</li> <li>• Mengancam keselamatan negara</li> </ul>	5
Tanggung pergerakan gaji dan lucuthak emolomen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak hadir bertugas</li> </ul>	2
Tanggung pergerakan gaji dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan perniagaan tanpa kebenaran</li> </ul>	1
Lucuthak emolomen, denda dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak hadir bertugas</li> </ul>	1
Denda dan amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melanggar prosedur kewangan</li> </ul>	1
Amaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khalwat</li> </ul>	1
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>

Baki **10** kes adalah berkeputusan seperti berikut:

- (a) **enam** kes, pegawai tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib berikutan pembebasan;
- (b) **satu** kes, pegawai didapati tidak bersalah oleh Suruhanjaya;
- (c) **dua** kes ditarik balik oleh KPM; dan
- (d) **satu** kes diwartakan.

Suruhanjaya juga menguruskan proses perintah tahan kerja ke atas PPPS yang terlibat dengan kes salah laku yang memerlukan penyiasatan lanjut atau sekiranya sesuatu prosiding jenayah telah dimulakan ke atasnya. Mana-mana PPPS yang didapati bersalah oleh mahkamah, Suruhanjaya boleh bertindak mengenakan perintah gantung kerja sehingga kes tata tertib diputuskan oleh Suruhanjaya.

Sebanyak **tujuh** perintah tahan kerja dikenakan dengan **satu** perintah tahan kerja dibuat di bawah Peraturan 43 dan **enam** perintah tahan kerja di bawah Peraturan 44. Suruhanjaya turut mengenakan **tiga** perintah gantung kerja yang melibatkan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ringkasan prosedur tata tertib berkenaan adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24: Perintah Tahan Kerja Dan Gantung Kerja**

Prosedur	Jumlah
Perintah Tahan Kerja Di Bawah Peraturan 43	1
Perintah Tahan Kerja Di Bawah Peraturan 44	6
Perintah Gantung Kerja	3
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>

Selain kes tata tertib am, jenayah dan keselamatan, Suruhanjaya pada tahun 2009 turut menguruskan **dua** kes surcaj melibatkan **seorang** pegawai dikenakan surcaj sebanyak lima peratus daripada nilai barangan yang hilang manakala **seorang** pegawai dibebaskan daripada tindakan surcaj.

### **Rayuan Tata tertib**

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tata tertib yang menimbang rayuan tata tertib dari kalangan PPP dan AKS yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga-lembaga Tata tertib yang berkenaan. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan Tata tertib adalah muktamad.

Bagi urusan rayuan tatatertib, Lembaga Rayuan Tatatertib boleh membuat keputusan sama ada:

- (a) menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk ditimbang semula;
- (b) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib yang berkenaan;
- (c) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib yang berkenaan tentang salah laku perayu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan; atau
- (d) mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib yang berkenaan dan membebaskan perayu.

Lembaga Rayuan Tatatertib telah menimbang dan memutuskan sebanyak **149** kes rayuan tatatertib yang diterima daripada Anggota Perkhidmatan Pelajaran seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25: Kes Rayuan Tatatertib**

Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib	PPPS	PPPLD/ PPPBS	AKS	Jumlah
Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula	-	5	2	7
Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib	7	75	44	126
Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu tetapi mengubah hukuman kepada yang lebih ringan	2	9	3	14
Mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu	-	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>90</b>	<b>50</b>	<b>149</b>

Jumlah perakuan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut perakuan yang dihantar oleh KPM, KPTM dan JPN.

Secara keseluruhan, jumlah urusan rayuan tatatertib adalah melebihi urusan tindakan tatatertib disebabkan Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan menguruskan semua kes rayuan tatatertib yang diterima daripada Anggota Perkhidmatan Pelajaran.

### **Penangguhan Kes Tatatertib Dan Rayuan Tatatertib**

Suruhanjaya dalam mesyuarat ke-859 pada 7 Oktober 2009 setelah mengambil maklum pandangan Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 11 September 2009 telah memutuskan supaya semua kes tatatertib ditangguhkan sehingga Mahkamah Persekutuan membuat keputusan mengenai kes Rayuan Sivil No. 01(f)-4-2009(W) Ghanasekaran lawan SPA & Kerajaan Malaysia berkaitan hak berasingan untuk membuat representasi berhubung pengurangan hukuman (*mitigation on punishment*). Sebab-sebab penangguhan telah direkodkan agar isu kelewatan boleh dipertahankan jika prinsip *condonation* dibangkitkan kelak.


Penjelasan Jabatan Peguam Negara pada 1 Disember 2009 bahawa hak untuk membuat representasi berhubung pengurangan hukuman diujahkan dalam konteks hak untuk didengar dan bagi kes-kes tatatertib yang diambil terhadap pegawai yang telah disabitkan oleh mahkamah atas kesalahan jenayah atau yang dikenakan perintah-perintah berkaitan dengan keselamatan dalam negeri, hak untuk didengar tidak diperuntukkan sebagaimana *provisio* pertama kepada Fasal (2) Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan dan Subperaturan 34(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

Berdasarkan pandangan tersebut, semua kes selain kes tatatertib am telah diteruskan.

### **Pematuhan Kepada Piagam Pelanggan**

Bagi urusan tatatertib dan rayuan tatatertib, piagam pelanggan menetapkan semua urusan mesti diselesaikan dalam tempoh empat minggu dari tarikh semua dokumen yang berkaitan diterima lengkap daripada JPN, KPM dan KPTM.

Semua kes tindakan tatatertib dan kes rayuan tatatertib berjaya diselesaikan mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan.

The background is a solid blue color with several white, curved lines that sweep across the page from the bottom left towards the top right, creating a sense of motion and depth.

# **PEMANTAPAN DAN PEMODENAN SURUHANJAYA**

## PEMANTAPAN DAN PEMODENAN SURUHANJAYA

Sepanjang tahun 2009, Suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai program pemantapan dan pemodenan seperti berikut:

### **Penyelarasan Dan Penyeragaman Pelaksanaan Fungsi Suruhanjaya**

Suruhanjaya telah bertindak sebagai penganjur bersama bagi Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke-12 pada 10–13 Ogos 2009 di Hotel *Le Meridien* Kota Kinabalu, Sabah. Persidangan bertujuan mencapai keseragaman dalam melaksanakan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan mengenai tugas Suruhanjaya.

### **Bengkel Temu Duga**

Bengkel Temu Duga yang mendedahkan kepelbagaian teknik bagi menilai calon semasa sesi temu duga telah diadakan pada 18 dan 19 Mac 2009 di Grand Margherita, Kuching, Sarawak. Bengkel telah dikendalikan oleh Tuan Haji Jeli Johari Biha dari Syarikat *Mission Quest Consulting Sdn. Bhd.*



Bengkel Anggota Suruhanjaya pada 18 dan 19 Mac 2009 di Grand Margherita, Kuching, Sarawak.

### **Lawatan Kerja Ke Kementerian Pendidikan Singapura**

Lawatan telah diadakan pada 6 Oktober 2009 di Kementerian Pendidikan Singapura bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya Ke-859 di Johor Bahru, Johor. Tujuan utama lawatan ialah untuk mengetahui secara ringkas urusan pengambilan guru-guru dan sistem pendidikan di Singapura.



Lawatan Kerja Ke Kementerian Pendidikan Negara Singapura pada 6 Oktober 2009.

### **Mesyuarat Perhubungan Suruhanjaya Bersama KPM Dan KPTM**

Mesyuarat Perhubungan di antara Suruhanjaya bersama KPM dan KPTM telah diadakan sebanyak tiga kali bertempat di Suruhanjaya, KPM dan juga KPTM. Tujuan mesyuarat adalah untuk penyelarasan dan penyeragaman urusan pengambilan dan perkhidmatan PPP, PPPT dan AKS.

Selain forum tersebut, pertemuan secara berkala turut diadakan, antaranya dengan Ketua Setiausaha KPM pada 5 Februari 2009, Majlis Dekan Fakulti Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam, KPTM pada 5 Mac 2009 dan Ketua Setiausaha KPTM pada 14 Julai 2009.

### Sesi Taklimat

Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Suruhanjaya telah mengadakan **22** sesi taklimat urusan pengambilan dan **10** sesi taklimat urusan perkhidmatan di seluruh negara.

Suruhanjaya turut menjemput pihak Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah pada 14 Ogos 2009 di Hotel *Le Meridien Kota Kinabalu*, Sabah untuk menyampaikan taklimat berkaitan dokumen pengenalan bagi menentukan status kewarganegaraan rakyat Malaysia.



Taklimat Dokumen Pengenalan Diri oleh Jabatan Pendaftaran Sabah pada 14 Ogos 2009 di Hotel *Le Meridien* Kota Kinabalu, Sabah.

### Sesi Naziran Urusan Perkhidmatan

Sesi naziran urusan perkhidmatan telah diadakan sebanyak **enam** kali iaitu di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Sarawak. Tujuan diadakan naziran ini adalah untuk memastikan segala tugas dan tanggungjawab yang telah diwakilkan kuasa oleh Suruhanjaya dilaksanakan dengan teratur dan mengikut segala peraturan yang ditetapkan. Selain itu, naziran juga diadakan untuk memastikan urusan perwakilan kuasa kepada kementerian dan jabatan berkenaan masih relevan.

### Karnival Pekerjaan Dan Kerjaya Kebangsaan

Suruhanjaya telah menyertai Karnival Pendidikan pada 18-19 April 2009 di *Kuala Lumpur Convention Centre*, Kuala Lumpur dan juga Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2009 anjuran KPTM pada 15-17 Mei 2009 di PWTC, Kuala Lumpur.



Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2009 anjuran KPTM pada 15 – 17 Mei 2009 di PWTC, Kuala Lumpur.

## Penambahan Nilai Pengurusan Pelanggan

Penambahan nilai pengurusan pelanggan telah diambil melalui pengenalan sistem dan panambahbaikan berikut:

- (a) Sistem Pengurusan Pelanggan (*iGuest*);
- (b) Sistem Semakan Status Dalam Talian bagi opsyen semula KWSP kepada pencen dan semakan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pelajaran;
- (c) penambahbaikan halaman capaian e-Permohonan PPP dan AKS bagi mengurangkan kekeliruan calon dalam mendaftar dan memasuki sistem permohonan;
- (d) penambahbaikan paparan dan reka letak Portal Suruhanjaya mengikut konsep *Citizen Grouping* dan *Information Chunking* berdasarkan jenis kandungan;
- (e) penambahbaikan i-Tanya dan i-Forum sebagai medium interaksi dua hala antara Suruhanjaya dengan pelanggan yang lebih berkesan;
- (f) penaiktarafan Sistem Pengurusan Giliran (QMS) di ibu pejabat dan pemasangan di Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan temu duga;
- (g) mewujudkan tiga *Mini Call Centre* mulai Jun 2009 untuk pengurusan panggilan telefon di tiga bahagian utama di Suruhanjaya iaitu Bahagian Pengambilan PPP, Bahagian Pengambilan AKS dan Bahagian Perkhidmatan; dan
- (h) mengadakan program lawatan kerja ke agensi di bawah KPM dan KPTM bagi memantau keberkesanan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya khususnya dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan. Sebanyak lima sesi lawatan kerja telah dilaksanakan yang mana melibatkan pengisian seperti taklimat mengenai agensi yang dilawati dan mengenai urusan di Suruhanjaya secara umum. Agensi yang dilawati ialah JPN Johor, Sekolah Seni Johor Bahru, Johor, Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor; Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba, Langkawi, Kedah dan Kolej Komuniti Langkawi, Kedah.



Lawatan Kerja ke Kolej Komuniti Langkawi, Kedah pada 23 Jun 2009 bersempena Program Mesyuarat Suruhanjaya Ke-852 pada 22 – 24 Jun 2009 di *Bayview* Hotel Langkawi, Kedah.



Lawatan Kerja ke Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba, Langkawi, Kedah pada 24 Jun 2009 bersempena Program Mesyuarat Suruhanjaya Ke-852 pada 22 – 24 Jun 2009 di *Bayview* Hotel Langkawi, Kedah.

## Program Latihan

Program latihan bagi pegawai di Suruhanjaya dilaksanakan dalam konteks memenuhi dasar latihan sumber manusia sektor awam iaitu setiap pegawai dikehendaki menghadiri latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. Antara program latihan yang telah dianjurkan adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26: Program Latihan**

Bil.	Kursus	Tempat	Tarikh	Kehadiran (Orang)
1.	Klinik <i>Open Office @ Suruhanjaya</i>	Putrajaya	1 Januari	193
2.	Bengkel Keterampilan Pekerja Berkualiti Ke Arah Kecemerlangan Organisasi	Port Dickson, Negeri Sembilan	17-19 Februari	35
3.	Bengkel <i>Interviewing Skill</i>	Kuching, Sarawak	18-19 Mac	40
4.	Kursus Seni Alunan Harmoni	Putrajaya	6-8 April	25
5.	Kursus Khidmat Pelanggan Berbudi Bahasa dan Kursus Membina Semangat Diri dan Pasukan ( <i>Team Building</i> )	Hulu Langat, Selangor	20-23 April	40
6.	Kursus Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti	Putrajaya	19-21 Mei	30
7.	Kursus IT @ Suruhanjaya Asas Perkakasan Komputer & Pengendalian Perkakasan	Putrajaya	26-28 Mei	15
8.	<i>Team Building</i> Siri 3/2009	Borsarmulu Park, Miri, Sarawak	27-28 Mei	30
9.	Program Lawatan 5'S'	Sabah	3-5 Jun	21
10.	Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan	Putrajaya	23-25 Jun	30
11.	Kursus Pendaftaran Rahsia	Putrajaya	14-16 Julai	30
12.	Program Pementapan Kecemerlangan Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib	Pulau Pinang	8-10 Julai	24
13.	Ceramah Penghayatan Ramadan	Putrajaya	9 Julai	Umum
14.	<i>Team Building</i> Siri 4/2009	Belum Rain Forest, Gerik, Perak	22-24 Julai	44
15.	Latihan Pembangunan Aplikasi Menggunakan <i>Code Charge Studio</i>	Putrajaya	3-6 & 10-13 Ogos	23
16.	Kursus Kepimpinan Penyelia Dalam Organisasi	Putrajaya	10-12 Ogos	23

Bil.	Kursus	Tempat	Tarikh	Kehadiran (Orang)
17.	Kursus Protokol dan Etiket Sosial	Port Dickson, Negeri Sembilan	12-14 Ogos	27
18.	Bengkel Penyelarasan dan Penyelenggaraan Buku Vot/Buku Tunai	Putrajaya	20-22 Oktober	12
19.	Kursus Pengurusan Pembayaran	Putrajaya	6-8 Oktober	25
20.	<i>Effective Communication Skills Course</i>	Putrajaya	13-15 Oktober	17
21.	<i>Effective Communication Skills Course II</i>	Putrajaya	27-29 Oktober	30
22.	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan	Putrajaya	3-5 November	25
23.	Kursus Pemantapan Profesionalisme Pegawai Gred 41 dan 44 Suruhanjaya	Bukit Merah Laketown Resort, Perak	21-23 Disember	28

## Kewangan

Suruhanjaya diperuntukkan sebanyak **RM22,190,193** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM20,104,371.64** yang bersamaan **90.60%**. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27: Perbelanjaan Mengurus T10 Dan B40

Perkara \ Maksud	Jumlah Peruntukan	Jumlah Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan
T10	5,395,300.00	5,068,793.44	93.95%
B40	16,794,893.00	15,035,578.20	89.52%
<b>Jumlah</b>	<b>22,190,193.00</b>	<b>20,104,371.64</b>	<b>90.60%</b>

## Rumusan

Sepanjang tahun 2009, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan tugas sebagaimana digariskan di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dengan begitu cemerlang berdasarkan jumlah peningkatan pencapaian berbanding tahun sebelumnya. Walaupun wujud kekangan dari segi tenaga kerja, Suruhanjaya sentiasa memastikan tugas disempurnakan mengikut tempoh masa yang sesuai dengan kehendak pelanggan dan bagi memastikan kelancaran tugas, perhatian yang tidak kurang serius turut diberikan dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala antara Suruhanjaya dengan agensi-agensi lain yang terlibat dengan tugas Suruhanjaya sama ada melalui pertemuan secara berjadual ataupun secara *ad hoc* bagi membincangkan isu-isu berbangkit untuk penyelesaian segera.

**HASIL KERJA  
SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN  
PELAJARAN TAHUN  
2009**

## HASIL KERJA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN TAHUN 2009

Perkara	Jumlah
<b>MESYUARAT SURUHANJAYA</b>	
Bilangan kertas dipertimbangkan	461
<b>MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERIB</b>	
Bilangan kertas dipertimbangkan	147
<b>MESYUARAT LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT</b>	
Bilangan kertas dipertimbangkan	2
<b>URUSAN PELANTIKAN</b>	
Bilangan calon dipanggil temu duga:	
PPP	41,604
PPPT	1,863
AKS	13,662
<b>Jumlah</b>	<b>57,129</b>
Bilangan calon dilantik:	
PPP	32,289
PPPT	1,116
AKS	6,359
<b>Jumlah</b>	<b>39,764</b>
<b>URUSAN PERKHIDMATAN</b>	
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	19,747
Pelanjutan Tempoh Percubaan	218
Pemberian Taraf Berpencen	49,189
Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen	79
Pemilihan Pencen	15,115
Pemilihan KWSP	517
Pelantikan Sementara	335
Penamatan Perkhidmatan	5
Pertukaran Pelantikan	196
Pelantikan Secara Kontrak	556
Pertukaran Sementara	224
Peminjaman Pegawai	19
Pertukaran Tetap	4
Kenaikan Pangkat	558
<b>Jumlah</b>	<b>86,762</b>
<b>URUSAN TATATERTIB</b>	
Tindakan Tatatertib	31
Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja	10
Rayuan Tatatertib	149
<b>Jumlah</b>	<b>190</b>

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Suruhanjaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan perkhidmatan yang telah diberikan oleh enam orang Anggota Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan dan dua orang pegawai Suruhanjaya yang bersara pada tahun 2009 iaitu:

### **Anggota Suruhanjaya Suruhanjaya:**

1. YBhg. Dato' Mohd Azmi bin Razak
2. Encik Tan Eng Hock
3. Cik Kamariah binti Ramli
4. Puan Hajah Siti Zaharah @ Siti Zahrah binti Mat Akib
5. YBhg. Dato' Haji Abdullah bin Haji Abdul Kadir
6. YBhg. Datin Nor Hayati binti Abdul Rasid

### **Pegawai Suruhanjaya:**

1. Puan Masnah binti Daim
2. Puan Robiah binti Abdullah

# **GLOSARI**

## GLOSARI

AKS	-	Anggota Kumpulan Sokongan
GST	-	Guru Sandaran Terlatih
GSTT	-	Guru Sandaran Tidak Terlatih
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPM	-	Jabatan Perdana Menteri
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPLI	-	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KUP	-	Khas Untuk Penyandang
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
OKU	-	Orang Kurang Upaya
PJJ	-	Pendidikan Jarak Jauh
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPP	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPBS	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah
PPPLD	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma
PPPS	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
PPPT	-	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSTT	-	Pakej Setuju Terima Tawaran
PWTC	-	<i>Putra World Trade Centre</i> (Pusat Dagangan Dunia Putra)
SABK	-	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	-	Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPA	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Suruhanjaya/ SPP	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2010  
[www.printnasion.com.my](http://www.printnasion.com.my)  
email: [cservice@printnasion.com.my](mailto:cservice@printnasion.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

